

Jurnal Komunikasi  
Malaysian Journal of Communication  
Jilid 31(2) 2015: 585-599

## POLA PERTEMBUNGAN BAHASA DALAM KOMUNIKASI BERBAHASA MELAYU OLEH PENUTUR NATIF IBAN

SHAHIDI. A.H., SHIRLEY LANGGAU & RAHIM AMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan memerihalkan beberapa perkara menarik berkaitan pertembungan bahasa pertama (Bahasa Iban) dan bahasa kedua (Bahasa Melayu) yang wujud ketika penutur Iban berkomunikasi dalam bahasa Melayu standard. Penelitian ke atas realisasi vokal bahasa Melayu yang dituturkan oleh penutur Iban dikaji menerusi analisis spektrograf. Perbandingan pola akustik vokal ketika subjek berkomunikasi secara lisan dalam Bahasa Melayu menyerlahkan beberapa fenomena yang unik tentang fenomena pertembungan bahasa. Kajian ini mendapati bahawa wujud kecelaruan berkomunikasi (yang wujud dalam realisasi vokal tertentu) secara bipolar iaitu gangguan bahasa ibunda-tulin (GBIt) dan pencairan dua sistem (PDS) (i.e. kerancuan antara bahasa pertama dan kedua). Pola GBIt lebih bersifat fenomena konvensional dalam konteks pertembungan antara bahasa pertama dan kedua, manakala pola PDS adalah isu baru dalam kajian seperti ini. Pola PDS, bahkan, didapati lebih dominan wujud dalam data kajian ini berbanding dengan pola GBIt. Pola PDS ini juga dapat diklasifikasikan kepada tiga iaitu Sistem Pertengahan, Generalisasi Terlampau-besar dan Generalisasi Terlampau-kecil. Penemuan kajian ini memberi implikasi yang signifikan terhadap kajian tentang pertembungan bahasa, khususnya, terhadap pemahaman kita tentang aspek kerancuan berkomunikasi dalam bahasa Melayu, di samping persepsi umum tentang bahasa serumpun Iban-Melayu serta perkembangan metod penelitian bahasa berasaskan teknologi makmal.

**Kata kunci:** Analisis spektrograf, bahasa Iban, bahasa Melayu, bahasa kedua, rancu bahasa

## THE PATTERN OF LANGUAGE CONTACT IN MALAY LANGUAGE COMMUNICATION AMONGST NATIVE IBAN

### **Abstract**

This paper outlines some specific issues regarding language contact between the first language (Iban) and second language (Malay) that appeared when the Iban native speaker spoke Malay. Realisation of Malay vowels spoken by Iban speaker was studied using spectrographic analysis. The result highlighted some unique phenomenon of first and second language in contact. The findings of the study showed that there was a bipolar speech error (in the realization of specific vowels), that is, First Language Interference (GBIt) and Dilution of Two Systems (PDS) (i.e. first and second language confusion). GBIt pattern is a more conventional phenomenon in language contact studies, whereas, PDS seems to be a new issue in such study. Moreover, the PDS pattern seems more dominant than GBIt in this study. PDS pattern was classified into three categories; Intermediate System, Massive Over generalisation and Little Over generalisation. The findings triggered significant implications in language contact studies, particularly, to our understanding of second language error during communication in Malay, general perceptions on Iban and Malay as a language cluster, as well as the method of language study using laboratory technology.

**Keywords:** *Spectrographic analysis, Iban language, Malay language, second language, language error*

### **PENGENALAN**

Bahasa Iban(BIb) dan (BM) Bahasa Melayu dikatakan memiliki hubungan kekerabatan yang erat memandangkan kedua-duanya tergolong dalam rumpun bahasa yang sama iaitu Austronesia. Menurut Rohani (2003) bahasa Iban dan BM berasal dari satu keturunan yang sama iaitu bahasa purba Melayu-Iban seperti yang dikelompokkan oleh Asmah pada tahun 1988. Hal ini diperlihatkan melalui banyaknya persamaan antara bahasa Iban dan bahasa Melayu khususnya

dalam sistem fonologi. Persamaan sistem fonologi kedua-dua bahasa berkenaan tidak terbatas kepada inventori fonem bunyi plosif [p, b, t, d, k, g] semata-mata (Asmah 1981; Shahidi 2000; Rohani 2003; Rahim 2006; Asmah & Roseline 2012) malah kedua-duanya turut memiliki persamaan dari aspek inventori fonem bagi vokal [i, e, ə, a, u, o]. Persamaan seperti ini sesungguhnya membuktikan dengan jelas bahawa Bib dan BM adalah serumpun. Rahim (2006) mengatakan bahawa kelompok Bib merupakan satu kelompok bahasa yang mempunyai darjat kesamaan yang amat tinggi dengan BM.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Komunikasi berbahasa kedua sering diutarakan menjadi tema kajian lepas (Antara lain, Shaharina 2013, Norzahwarthy 2006, McAllister *et al.* 2002, Bhela 1999, Ellis 1994). Antara topik yang lazim ditekankan dalam hal ini ialah komunikasi efektif antara penutur dan pendengar. Hakikat ini amat sejajar dengan asas ilmu komunikasi itu sendiri iaitu adanya mesej atau input maklumat dan penerima maklumat mesti dapat memahami mesej yang disampaikan tersebut (Lihat juga, Zulkifley *et al.* 2015, Rahim & Norfazila 2015, Manimaran Krishnan & Samsudin A. Rahim 2014).

Penelitian ke atas topik komunikasi berbahasa Melayu sebagai bahasa kedua, bagaimanapun, masih agak terbatas di Malaysia. Lebih-lebih lagi dalam konteks memanfaatkan analisis data akustik penutur bahasa kedua. Sedangkan, hakikatnya, BM telah menjadi bahasa kedua terpenting bagi hampir kebanyakan rakyat Malaysia yang bukan berbangsa Melayu.

Di Malaysia, penutur natif Iban (sepertimana halnya dengan penutur Cina dan India) mempelajari BM untuk berkomunikasi dengan penutur natif lain khususnya penutur natif Melayu. Tidak dinafikan bahawa BM merupakan bahasa kedua terpenting dan popular bagi penutur natif bukan Melayu. Apatah lagi bahasa ini dipelajari oleh bukan penutur natif Melayu sebagai bahasa kedua sejak dari peringkat prasekolah sehingga ke peringkat sekolah menengah dan dilanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi iaitu universiti bagi yang menyambung pengajian mereka dalam bidang BM. Dalam proses pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua ini, lazimnya para pelajar tidak akan terlepas daripada melakukan kesalahan khususnya dalam aspek sebutan oleh pelajar bahasa kedua. Umum menafsir kesalahan bahasa dalam proses pembelajaran bahasa kedua sebagai gangguan bahasa pertama (Fries 1945; Lado 1957; Smith 1981; Bhela 1999; McAllister *et al.* 2002).

Lado (1971) mengatakan bahawa apabila terdapat fonem yang berbeza antara bahasa pertama dan bahasa kedua (struktur bahasa/sistem fonologi berbeza) maka proses pembelajaran (misalnya, penguasaan sebutan/bunyi) bahasa kedua akan menjadi sukar kerana berlakunya penyebaran bunyi yang berbeza, dan begitulah sebaliknya sekiranya bahasa pertama dan bahasa kedua memiliki fonem yang sama (struktur bahasa adalah sama). Lado (1971, 1957) berpendapat bahawa mudah atau sukarnya proses penguasaan bahasa kedua sangat bergantung

kepada persamaan dan perbezaan struktur bahasa yang dimiliki oleh kedua-dua bahasa berkenaan. Dalam hal ini, kita pantas mentafsirkan betapa mudahnya penutur Iban dapat berkomunikasi dengan baik dalam BM (i.e. penguasaan BM yang baik) atas alasan bahawa BIb dan BM memiliki struktur inventori vokal dan konsonan yang sama. Namun, kajian oleh Norsimah et.al (2012) menunjukkan bahawa penguasaan BM oleh pelajar Iban di sekolah adalah tidak memuaskan. Lantas, timbul persoalan penting di sini iaitu adakah persamaan inventori fonem akan benar-benar memudahkan penyebutan vokal BM oleh penutur Iban? Adakah persamaan ini sebaliknya menggugat komunikasi berBM oleh penutur Iban?

Persoalan-persoalan yang ditimbulkan di atas masih belum mampu dijawab secara berpeda sehingga ke hari ini. Kajian lepas yang melibatkan sebutan BM dalam kalangan penutur Iban adalah berlandaskan kajian fonetik auditori semata-mata (misalnya, Norsimah et.al 2012, Norzahwarthy 2006, Shahidi 2000). Sekiranya wujud pun kajian Linguistik Melayu berasaskan pendekatan Fonetik Akustik (misalnya, Shahidiet al. 2010, Shahidi & Rahim 2011, Shahidi et al. 2012) namun kajian berkenaan tidak berkaitan langsung dengan bahasa Iban. Justeru, pada hemat pengkaji, sudah sampai masanya dihasilkan kajian yang lebih terkini, saintifik dan tuntas berkaitan bahasa Iban dan ia harus dimajukan bagi memperoleh jawapan yang lebih berpeda. Pendekatan terkini yang lebih saintifik iaitu yang memanfaatkan data akustik bunyi bahasa Iban dan bahasa Melayu yang menjadi sebahagian daripada komunikasi lisan penutur Iban berkenaan harus dimanfaatkan dan menghasilkan sebuah analisis yang berwibawa.

## **TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Sehingga ke hari ini, masih belum ditemukan kajian fonetik akustik yang berkaitan dengan bunyi vokal BM sebagai bahasa kedua dalam kalangan penutur Iban. Justeru, kajian ini dimajukan dengan tujuan umumnya untuk mengisi keterbatasan kosa ilmu yang berkaitan dengan fonetik akustik serta menjawab persoalan-persoalan yang timbul berkaitan komunikasi berBM oleh penutur natif Iban. Justeru, kajian ini secara khusus bertujuan memerihalkan pola sebutan vokal BM sebagai bahasa kedua dalam kalangan penutur Iban. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Memaparkan ciri-ciri akustik vokal BIb oleh penutur Iban.
- ii. Mendeskripsikan ciri-ciri akustik vokal BM oleh penutur Iban.
- iii. Menganalisis pola fonetik vokal BM yang direalisasikan oleh penutur Iban

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia dengan penglibatan

subjek kajian seramai 14 orang. Subjek terdiri daripada 14 penutur perempuan yang merupakan penutur natif Iban. Kesemua subjek merupakan penutur universiti yang berusia dalam lingkungan 19 sehingga 23 tahun. Satu sesi temubual bersama responden dilakukan seminggu sebelum rakaman pertuturan dijalankan. Temubual berkenaan bertujuan untuk memastikan bahawa responden dapat bertutur dan memahami BM dengan baik, telah mempelajari BM sejak awal persekolahan dan tiada kecacatan pancaindera.


Kajian ini menganalisis ciri akustik vokal kedua-dua bahasa iaitu BIB dan BM yang dituturkan oleh penutur natif Iban, dimana perbandingan dilakukan untuk meneliti dan memerihalkan pola sebutan vokal BM oleh penutur Iban. Di samping itu juga, data BM yang dituturkan oleh penutur natif Iban turut diperbandingkan dengan data BM standard. Data BM standard (i.e. maklumat akustik vokal [i, e, A, ə, u, o] BM standard) diperoleh dari kajian Shaharina (2013).

Analisis akustik tertumpu kepada vokal [i, e, A, ə, u, o] di posisi awal kata BM dan BIB yang dituturkan oleh penutur Iban. Perlu juga dimaklumkan di sini bahawa vokal [e] di posisi awal kata tiada dalam struktur fonologi BIB. Dengan hal yang demikian maka sebanyak 13 perkataan BIB dan 18 perkataan BM yang mengandungi vokal [i, e, A, ə, u, o] disediakan bagi tujuan pengumpulan dan penganalisisan data dalam kajian ini.

Data fonetik diperoleh menerusi Ujian Pengujaran yang terdiri daripada dua sesi rakaman. Sesi rakaman pertama merupakan Ujian Pengujaran BIB yakni subjek diminta mengujarkan perkataan yang terdapat senarai perkataan BIB. Begitu juga keadaannya dengan sesi rakaman yang kedua iaitu Ujian Pengujaran BM. Setiap sesi rakaman berkenaan dijalankan sepenuhnya dengan menggunakan satu bahasa sahaja; misalnya, sesi Ujian Pengujaran BIB akan dikendalikan dalam BIB dan semasa Ujian Pengujaran BM, bahasa pengantaraan adalah BM standard. Rakaman diadakan di makmal audio/fonetik Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu yang bilik rakamannya adalah bersifat kedap bunyi. Alat rakaman yang digunakan untuk mengumpul data bunyi ialah TASCAM 202 MK III.

## **PENGUKURAN AKUSTIK BUNYI VOKAL**


Penganalisisan data dalam kajian ini dilakukan berasaskan analisis spektrograf dengan menggunakan sistem perisian PRAAT. Analisis data fonetik dalam kajian ini bertumpu kepada dua angkubah akustik iaitu Frekuensi Forman (F1 dan F2) dan Tempoh Kepanjangkan Vokal. Pengukuran akustik bagi kedua-dua angkubah akustik adalah berasaskan analisis data signal gelombang dan spektrogram. Pengukuran akustik bagi Tempoh Kepanjangkan Vokal dilakukan bermula dari onsets sehingga kepada offsets bunyi vokal berkenaan (rujuk Rajah 1).



Rajah 1: Signal gelombang bunyi dan spektrogram perkataan [ati]

Rajah 1 memaparkan contoh pengukuran akustik Tempoh Kepanjangkan Vokal dilakukan. Anak panah 1 merupakan penanda kepada onset vokal sasaran iaitu permulaan penghasilan gelombang vokal [a] yang dikaji manakala anak panah 2 menandakan pengakhiran (offset) gelombang bunyi vokal [a] berkenaan dalam ujaran [ati]. Tempoh Kepanjangkan Vokal diukur dalam milisaat (ms).

Pengukuran akustik bagi Frekuensi Forman (Hz) dalam kajian ini melibatkan dua formant iaitu F1 dan F2. Frekuensi Forman diukur dengan menentukan daerah kestabilan formant sebagai onset dan off set frekuensi. Bacaan F1 dan F2 diperoleh dengan meletakkan kursor pada titik 1 (rujuk anak panah 1), 2 (anak panah 2) dan 3 (anak panah 3) (sila lihat rajah 2).



Rajah 2: Spektrogram perkataan [ati]

Anak panah 1, 2 dan 3 dalam rajah 2 merupakan titik-titik anggaran 20%, 50% dan 80% daripada permulaan daerah formant. Bacaan F1 dan F2 diambil daripada senarai formant yang diperoleh menerusi pilihan menu “Formant Listing” dalam PRAAT.

## DAPATAN KAJIAN


Berikut diperincikan dapatan kajian yang diperoleh hasil analisis spektrogram data perkataan BM dan BIB yang diujarkan oleh penutur Iban. Dapatan dihuraikan

berasaskan angkubah akustik yang dimanfaatkan dalam kajian ini.

### ***Frekuensi Forman 1 dan 2***

Pada bahagian ini, perbincangan bertumpu kepada hasil dapatan analisis ke atas Frekuensi Forman 1 (F1) dan Forman 2(F2) yang dihasilkan oleh penutur Iban bagi vokal BIB dan BM. Dapatan hanya melibatkan Frekuensi Forman bagi vokal sasaran yang hadir di posisi awal kata sahaja.

Hasil dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi F1 vokal /i, e, a, ə, u, o/ antara BIB dan BM yang dihasilkan oleh penutur perempuan Iban (sila rujuk Carta 1). Keadaan ini memperlihatkan bahawa F1 vokal BM yang dihasilkan oleh penutur Iban menyamai F1 bahasa ibunda mereka iaitu BIB. Berdasarkan graf yang dipaparkan dalam Carta 1, bacaan nilai F1 bagi vokal /i, a, ə, u, o/ BIB masing-masing adalah 393 Hz, 897 Hz, 606 Hz, 453 Hz dan 608 Hz manakala bagi vokal /i, e, a, ə, u, o/ BM pula memperlihatkan nilai F1 seperti berikut: 391 Hz, 564Hz, 894 Hz, 600 Hz, 449 Hz dan 628 Hz. Daripada bacaan berkenaan, dapat disimpulkan bahawa vokal /o/ memiliki nilai F1 yang paling tinggi manakala vokal /i/ pula memiliki nilai F1 yang paling rendah. Carta 1 menunjukkan graf dapatan F1 bagi vokal /i, e, a, ə, u, o/ BIB sebagai B1 penutur Iban dan BM sebagai B2.




**Carta 1: F1 vokal BIB dan BM yang dihasilkan oleh penutur Iban**

Carta 2 pula memperlihatkan F1 vokal /i, e, a, ə, u, o/ BM oleh penutur perempuan Iban. Analisis akustik menunjukkan wujudnya tiga situasi sebutan BM oleh penutur perempuan Iban yang dirujuk sebagai (i) gangguan bahasa ibundatulin (GBIt), (ii) menyamai (menguasai) BM standard, dan (iii) pencairan dua sistem (PDS) (i.e. kerancuan antara bahasa pertama dan kedua). PDS merujuk kepada bahasa yang tidak tergolong dalam B1 dan tidak juga tergolong dalam B2. Selain itu, kajian ini turut menemui kewujudan tiga jenis pola PDS. Pola PDS yang pertama ialah Sistem Pertengahan (SP) (i.e. nilai akustik vokal yang tidak menghampiri atau menyamai B1 atau B2 sebaliknya nilai ini berada di pertengahan antara B1 dan B2); kedua, Generalisasi Terlampau-besar (GT-b) (i.e. nilai akustik vokal yang lebih besar daripada nilai standard B1 dan B2 itu

sendiri); ketiga, Generalisasi Terlampau Kecil (GT-k) (i.e. nilai akustik vokal yang lebih kecil daripada nilai standard B1 dan B2itu sendiri).


Berdasarkan graf dalam Carta 2, kajian ini mendapati F1 vokal BM bagi penutur perempuan Iban cenderung kepada penghasilan PDS berbanding dipengaruhi oleh gangguan B1 atau menunjukkan kejayaan menguasai sebutan standard BM. Dapatan menunjukkan penutur Iban sangat cenderung menghasilkan GT-b berbanding GT-k (sila rujuk carta 2 untuk perbandingan). Contoh yang dikatakan GT-b ialah nilai standard F1 bagi vokal /o/ B1b adalah 393 Hz dan BM standard pula 290 Hz namun nilai F1 yang dihasilkan seorang penutur adalah 440 Hz. Keadaan inilah yang dirujuk sebagai generalisasi terlampau-besar yakni nilai F1 vokal BM yang dihasilkan oleh penutur Iban adalah lebih besar daripada B1 dan B2 itu sendiri. Dapatan menunjukkan penutur perempuan Iban sukar menghasilkan F1 vokal /e/ di posisi awal kata mengikut nilai standard BM memandangkan vokal ini tidak hadir di posisi awal kata B1b.



**Carta 2: F1 vokal BM sebagai B2 oleh penutur Iban**


Analisis akustik ke atas nilai F2 menunjukkantidadaannya perbezaan nilai frekuensi yang ketara namun masih agak berbeza jika dibandingkan dengan F1 (sila rujuk Carta 3). Perbezaan nilai F2 yang paling agak ketara ialah vokal /ə/, /a/ dan /u/ manakala F2 bagi vokal /i/ dan /o/ adalah tidak jauh berbeza. Kajian ini mendapati nilai F2 vokal /i/ adalah paling tinggi manakala vokal /u/ pula memiliki nilai F2 paling rendah. Keadaan ini agak berbeza jika dibandingkan dengan dapatan bagi F1 (sila rujuk Carta 1). Berdasarkan graf F2 dalam Carta 3, nilai F2 yang dihasilkan penutur Iban bagi vokal /i, a, ə, u, o/ B1b masing-masing adalah 2321 Hz, 1650 Hz, 1730 Hz, 1076 Hz dan 1169 Hz. Vokal /i, e, a, ə, u, o/ bagi BM oleh penutur Iban pula masing-masing mencatatkan nilai F2 seperti berikut: 2245 Hz, 2063 Hz, 1530 Hz, 1528 Hz, 967 Hz dan 1183 Hz.





**Carta 3. F2 vokal Bib dan BM yang dihasilkan oleh penutur Iban**

Penelitian ke atas F1 vokal BM sebagai B2 oleh penutur perempuan Iban turut menunjukkan pola yang sama seperti F1. Namun yang membezakan keduanya ialah penutur perempuan Iban lebih cenderung menghasilkan GT-k bagi F2 berbanding F1 yang menunjukkan kecenderungan penutur menghasilkan GT-b (sila rujuk Carta 1 dan 4). Berdasarkan graf dalam carta 4 di bawah, didapati tidak ada seorang pun sebutannya menerima gangguan daripada B1 dan sangat sedikit juga yang berjaya menyamai nilai sebutan standard iaitu hanya seorang sahaja (dan menguasai hanya vokal /i/ dan /a/ sahaja). Rata-rata penutur perempuan Iban menghasilkan sistem PDS bagi F2. Nilai F2 yang dihasilkan oleh penutur perempuan Iban adalah lebih kecil daripada nilai standard frekuensi BM dan Bib itu sendiri. Contohnya, nilai F2 bagi vokal /i/ Bib adalah 2321 Hz manakala BM standard ialah 2220 Hz, maka nilai yang dikatakan GT-k iaitu merujuk kepada nilai F2 yang lebih kecil daripada BM standard.




**Carta 4.F2 VokalBM sebagai B2 oleh penutur Iban.**

***Tempoh Kapanjangan Vokal (ms)***


Bahagian ini pula memaparkan dapatan berkenaan dengan Tempoh Kapanjangan

Vokal bagi vokal /i, e, a, ə, u, o/ yang hadir di posisi awal kata Bib dan BM. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan nilai kepanjangan yang signifikan antara tempoh kepanjangan vokal Bib dan BM oleh penutur perempuan Iban. Berdasarkan paparan graf dalam carta 5, nilai kepanjangan vokal bagi vokal /i, a, ə, u, o/ Bib adalah seperti berikut: 91 ms, 108 ms, 99 m, 111 ms dan 124 ms manakala bagi vokal /i, e, a, ə, u, o/ BM pula masing-masing mencatatkan nilai 103 ms, 118 ms, 108 ms, 110 ms dan 120 ms. Kajian ini mendapati vokal /o/ memiliki tempoh kepanjangan yang lebih besar berbanding vokal yang lain manakala vokal yang memiliki tempoh kepanjangan yang paling kecil adalah vokal depan /i/.



**Carta 5. Tempoh Kepanjangan Vokal (ms) bagi vokal Bib dan BM oleh penutur Iban**

Analisis ke atas sebutan vokal BM oleh penutur perempuan Iban bagi tempoh kepanjangan vokal mendapati kewujudan tiga situasi yang dirujuk sebagai (i) gangguan B1 bagi vokal /i/, /a/, dan /u/, (ii) menyamai sebutan standard BM bagi vokal /ə/, dan (iii) penghasilan PDS bagi kesemua vokal BM. Seperti dapatan yang ditunjukkan oleh F1 dan (F2), penutur didapati turut menghasilkan generalisasi terlampau sama ada kecil atau besar namun penghasilan pola PDS yang paling ketara bagi tempoh kepanjangan vokal adalah GT-b. Berdasarkan graf tempoh kepanjangan vokal dalam Carta 6, pola GT-k hanya berlaku pada seorang penutur sahaja dan bagi vokal /ə/ sahaja. Hasil dapatan memperlihatkan penutur lebih cenderung menghasilkan SP berbanding GT-k. Hal inilah yang membezakan dapatan pola sebutan vokal BM antara Frekuensi Forman dengan Tempoh Kepanjangan Vokal. SP bagi tempoh kepanjangan vokal merujuk kepada nilai kepanjangan yang berada di pertengahan nilai standard kepanjangan vokal Bib dan BM. Contohnya, tempoh kepanjangan vokal bagi vokal /a/ Bib adalah 108 ms manakala BM standard pula adalah 60 ms maka BA pertengahan pula akan memberikan nilai seperti 103 ms.



**Carta 6. Tempoh Kapanjangan Vokal BM sebagai B2 oleh penutur Iban**

## PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

B1b dan BM memiliki inventori vokal /i, e, a, ə, u, o/ yang sama namun kajian ini mendapati bahawa kedua-duanya ternyata berbeza dari aspek realisasi fonetik. Teori Analisis Kontrastif menyatakan kesukaran penutur/pelajar B2 untuk berkomunikasi menggunakan B2 berpunca daripada fonem yang berbeza antara struktur B1 dan B2. Dalam kajian ini, sejumlah fonem yang dimiliki iaitu vokal B1b dan BM meskipun sama namun masih sukar bagi penutur Iban untuk menguasainya. Dapatan ini lantas menjawab persoalan awal yang telah dikemukakan sebelumnya; Adakah persamaan inventori fonem akan benar-benar memudahkan penguasaan vokal BM oleh penutur Iban? Kajian ini juga telah berupaya menyerlahkan hakikat bahawa B1 dan B2 yang mempunyai fonem yang sama tetapi memiliki realisasi fonetik berbeza mampu meledakkan kecelaruan berkomunikasi. Justeru, aspek realisasi fonetik juga yang harus diambil kira dalam menentukan tahap kesukaran berkomunikasi dalam bahasa kedua.

Kajian ini menunjukkan penutur perempuan Iban tidak mempunyai kecenderungan besar untuk memindahkan sistem bunyi vokal (Frekuensi Forman dan tempoh kepanjangan vokal) B1b ke atas sistem bunyi vokal BM sebagai B2. Sebaliknya, dalam penyebutan vokal BM sebagai B2, wujudnya PDS. Penutur perempuan Iban lebih cenderung membentuk sistem bunyi yang baru yang tidak menepati sistem bunyi B1 dan B2. Penemuan ini juga sejajar dengan dapatan kajian Jasmin (2013) yang menunjukkan bahawa kaum perempuan lebih fleksibel dalam pengasimilasian antara bahasa daerah dan bahasa standard. Dapatan kajian ini, bagaimanapun, berbeza daripada dapatan kajian lepas oleh Ellis (1994). Ellis (1994) mengatakan bahawa penguasaan pelajar perempuan adalah lebih baik daripada lelaki kerana perempuan didapati lebih cenderung untuk menerima bentuk linguistik yang baru dan mereka lebih suka mengelak daripada menggunakan bentuk PDS yang terpisah daripada bentuk bahasa sasaran.

Hipotesis yang dikemukakan menerusi Teori Analisis Kontrastif tidak sepenuhnya dapat dijadikan sebagai sandaran utama dalam menjelaskan

permasalahan penutur B2 dalam berkomunikasi. Kajian ini telah membuktikan bahawa hipotesis teori berkenaan hanya benar bagi vokal yang tiada dalam sistem fonologi B1. Vokal /e/ BM misalnya, yang tiada dalam B1b menyebabkan ia sukar dihasilkan oleh penutur Iban. Namun, hipotesis teori berkenaan gangguan B1 tidak akan wujud sekiranya B2 memiliki persamaan struktur (sistem fonologi) dengan B1 (i.e. mudah menguasai B2 apabila B1 sama struktur dengan B2) tidak bertepatan dengan dapatan kajian ini. Berdasarkan kajian ini, fonem yang sama (antara B1 dan B2) tidak menjamin mudahnya penguasaan B2. Hipotesis Lado (1971) akan lebih tepat sekiranya mengambilkira faktor fonem yang sama bagi B1 dan B2 tetapi direalisasikan secara berbeza oleh kedua-dua bahasa berkenaan.

Perbincangan dapatan dan analisis akustik yang terdiri daripada Frekuensi Forman (Hz) dan Tempoh Kepanjang Vokal juga telah membuktikan bahawa gangguan B1 bukanlah faktor utama berlakunya kesalahan sebutan dalam BM. Kajian ini membuktikan bahawa dalam fenomena pertembungan bahasa ketika komunikasi B1 dan B2 berlangsung, faktor kewujudan PDS harus diberi perhatian dan diambil kira sebagai faktor yang mampu mempengaruhi penguasaan vokal BM sebagai B2 khususnya dalam kalangan penutur Iban di Sarawak. Penelitian lanjut menunjukkan bahawa PDS yang dihasilkan oleh penutur perempuan Iban terdiri daripada dua pola unik iaitu SP dan Generalisasi Terlampau. Generalisasi Terlampau terbahagi pula kepada dua bentuk iaitu GT-b dan GT-k. Keadaan ini menunjukkan bahawa kewujudan PDS adalah lebih dominan bagi kesemua vokal BM dalam kalangan penutur perempuan Iban kerana ditemukan bentuk PDS yang pelbagai dalam penghasilan Frekuensi Forman dan Tempoh Kepanjang Vokal. Terbukti bahawa penutur perempuan Iban menghasilkan pola yang pelbagai dengan cara memanipulasikan nilai Frekuensi Forman dan Tempoh Kepanjang Vokal.

Kajian ini sesungguhnya memberi implikasi penting kepada kajian pertembungan bahasa, khususnya, terhadap pemahaman kita tentang aspek kerancuan berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Hal ini seharusnya menjadi isu yang signifikan kepada pihak yang memiliki peranan penting dalam polisi yang berkaitan dengan BM di negara ini sebagai penyatu rakyat berbilang budaya dan pengekalan statusnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Malaysia.

Implikasi kajian ini selanjutnya sangat dekat dengan polisi pendidikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha menangani masalah pengajaran dan pembelajaran BM dalam kalangan bukan penutur natif Melayu. Dapatan kajian ini jelas menolak persepsi umum tentang bahasa serumpun Iban-Melayu. Justeru, polisi pendidikan (juga hal-hal yang berkaitan seperti silibus pembelajaran BM) juga harus sejajar dengan hakikat perbezaan B1-B2 dan kesukaran pelajar bukan natif untuk berkomunikasi dengan baik menggunakan B2.

## **BIODATA PENULIS**

**Shahidi A.H.** merupakan Prof. Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan

dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memperoleh ijazah kedoktoran dalam bidang Fonetik Eksperimental dari University of Newcastle upon Tyne, UK. Bidang kepakaran dan penyelidikan beliau meliputi Sosiofonetik, Kajian Dialek Melayu dan Pembelajaran Bahasa Kedua. Emel:zedic@ukm.edu.my

**Shirley Langgau** adalah pelajar doktoral di Program Pengajian Bahasa Melayu, PPBKKM, FSSK, UKM. Beliau dalam proses memulakan penyelidikan disertasi PhD yang melibatkan penutur natif bahasa Iban.

**Rahim Aman** merupakan Prof. Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Beliau memperoleh Ijazah Kedoktoran dalam bidang Linguistik Sejarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran dan penyelidikan beliau meliputi Linguistik Sejarah dan Kajian Dialek Melayu.

## LAMPIRAN

Senarai daftar kata bunyi vokal BIB dan BM

Vokal	BIB	BM
i	isu	isi
	ipa?	ipar
	ika	ikat
e		eje?
		esa?
		eso?
A	adu	apa
	apin	api
	aki	atas
ə	entun	emas
	enti	embun
	enta?	entah
u	upa	ubah
	ulah	upah
	udu	ukir
o		opah
	ogos	ota?
		oleh

## RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar. (1988). *Susur galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1981). *The Iban Language Of Sarawak: A Grammatical Description*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar & Rosline Sandai. (2012). *Fonologi Bahasa Iban/Fonologi Jaku Iban*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bhela, B. (1999). Native language interference in learning a second language: Exploratory case studies of native language interference with target language usage. *International Education Journal* 1(1): 22-31. <http://ehlt.flinders.edu.au> [retrieved 26 Oktober 2012].
- Ellis, R. (1994). *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Fries, C.C. (1945). *Teaching and Learning English as A Foreign Language*. Chicago: University of Chicago Press.
- Jasmin (2013). Realisasi Frikatif uvular dan velar dalam dialek Kedah: satu pendekatan Sosiofonetik. *Tesis sarjana*, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan kemanusiaan, Universiti Kebnagsaan Malaysia.
- Lado, R. (1957). *Linguistics Across Cultures: Applied Linguistics for Language Teachers*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Lado, R. (1971). *Linguistics Across Cultures: Applied Linguistics for Language Teachers*. Edisi ke-3. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Manimaran Krishnan & Samsudin A. Rahim. (2014). Hubungkait komunikasi Kesihatan dengan kesan hirarki isu kesihatan terhadap perubahan gaya hidup sihat. *Jurnal Komunikasi Malaysia Journal of Communication*, 30 (1):147-176.
- McAllister, R, Flege, J.E, & Piske, T. (2002). The influence of L1 on the acquisition of Swedish quantity by native speakers of Spanish, English and Estonian. *Journal of Phonetics* 30(5): 229-258.
- Norsimah Mat Awal, Nadzrah Abu Bakar & Nor Hashimah Jalaluddin. (2012). Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua: Pengungkapan idea dalam penulisan pelajar sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Melayu*. 9: 227-240.
- Norzahwarthy Kadir. (2006). Tinjauan kesilapan fonologi penutur natif bahasa Iban dalam penguasaan bahasa Melayu standard. *Jurnal Bahasa* 6(4): 679-696.
- Rahim Aman. (2006). *Perbandingan Fonologi dan Morfologi Bahasa Iban, Kantuk dan Mualang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahim Aman & Norfazila Ab. Hamid. (2015). Strategi wacana komunikasi teks Tengku Razaleigh Hamzah satu analisis kebahasaan. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 31(1): 205-220.

- Rohani Mohd Yusof. (2003). Perkaitan bahasa Melayu dan bahasa Iban: Satu tinjauan ringkas. *Jurnal Bahasa*. 3(3): 457-477.
- Shaharina. (2013). Realisasi fonetik bunyi vokal dalam pertuturan bahasa Melayu oleh penutur Melayu dan asing: pencerakinan berasaskan pendekatan Fonetik Akustik. *Disertasi PhD*, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahidi, A.H. (2000). Analisis fonologi bahasa Iban. *Jurnal Dewan Bahasa* 44(4): 434-444.
- Shahidi, A.H, Zulkifley Hamid & Rahim Aman. (2010). Pola vokal bahasa Inggeris /i:, ɪ/ Penutur Melayu Bilingual: Satu pendekatan akustik. *Jurnal Melayu* (2): 265-275.
- Shahidi, A.H & Rahim Aman. (2011). An acoustical study of English plosives in word initial position produced by Malays. 3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies 17(2): 23-33.
- Shahidi, A.H, Rahim Aman & Zulkifley Hamid. (2012). Kajian akustik realisasi kontras penyuaran bunyi plosif bahasa Melayu. *GEMA Online, Journal of Language Studies*. 12(2): 745-760.
- Smith, M.S. (1981). Contrastive studies in two perspectives. In. Fisiak, J. *Contrastive Linguistics and The Language Teacher*. Oxford: Pergamon Press.
- Zulkifley Hamid, Naidatul Zamrizam Abu & Asyraf Zulkifley. (2015). Strategi komunikasi dalam kalangan murid pelbagai etnik. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 31(1): 171-186.

